

20 MAY 1998

KARNIVAL BARISAN NASIONAL PUPUK SEMANGAT PATRIOTISME

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Karnival Barisan Nasional (BN), yang dijadualkan Ahad ini, ditangguhkan kepada 14 Jun depan bagi menyempurnakan persiapan bagi perayaan sehari itu.

Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat berkata karnival itu, yang akan menghimpunkan anak-anak muda khususnya anggota BN, akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN.

Himpunan generasi muda itu juga dapat memupuk semangat membeli barangan buatan Malaysia di samping mengadakan pungutan Dana Khas Negara bagi membantu negara menghadapi kegawatan ekonomi, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata antara aktiviti yang akan diadakan pada karnival itu ialah pertunjukan pasukan payung terjun negara, yang menyertai ekspedisi terju bebas di Kutub Utara bulan lepas.

Selain itu, kereta Proton Wira yang diturunkan di Kutub Utara bersama penerjun negara itu akan turut dipamerkan pada karnival itu, katanya.

Beliau berkata Edaran Otomobil Nasional (EON) juga akan diminta mempamerkan kereta ke sejuta keluarannya pada hari yang sama.

-- BERNAMA

ARA NAK